

CNS2443  
U GB 22-10 00162 BC904  
AAB

MAHATHIR MAHU PEKAN RABU JADI PUSAT BELI-BELAH YANG UNIK

Mahathir - Pekan Rabu

ALOR SETAR, 22 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu Pekan Rabu di sini menjadi pusat membeli-belah yang unik serta boleh menarik perhatian pelancong asing berkata, untuk itu, kerajaan sanggup mendatangkan pakar dari Jepun untuk memperbaiki keadaannya.

+Saya berjanji akan menggunakan kuasa kerajaan yang ada dan orang yang saya kenal seperti orang Jepun dan sebagainya untuk membantu perniagaan di Pekan Rabu, +katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau telah melihat cara-cara perniagaan runcit di Jepun dan tertarik dengan kebersihan dan serta pengaturan barangan yang tertib.

Adalah menjadi satu +pembaziran+ Pekan Rabu yang terletak di kawasan strategik di tengah bandar digunakan hanya untuk perniagaan kecil-kecilan, katanya ketika mengadakan perjumpaan dengan para anggota Koperasi Pekan Rabu di sini, hari ini.

+Saya mahu sekurang-kurangnya Pekan Rabu setaraf atau rendah sedikit daripada perniagaan komersial di sekelilingnya, + tambah beliau. -- Lagi.

▼22/10/22-02MST

CNS2444  
U GB 22-10 00144 BC905  
AAB

Mahathir - Pekan Rabu 2 Alor Setar

Beliau mahu kompleks perniagaan yang dikhususkan kepada Bumiputera itu menjadi pusat membeli-belah yang +lain daripada yang lain.+

Untuk itu kerajaan sanggup mengeluarkan perbelanjaan bagi memperbaiki keadaan di Pekan Rabu dan menentukan pelancong asing mengetahui kewujudannya, katanya.

Bagaimanapun, katanya, perubahan ke arah itu bergantung kepada sikap para peniaga di situ dan ia hanya boleh berjaya sekiranya para peniaga mahu mengubah sikap dan cara perniagaan daripada cara tradisional kepada cara moden.

Dr Mahathir baru-baru ini telah meminta Jawatankuasa Koperasi Pekan Rabu mendapatkan pengakuan bertulis daripada semua peniaga di situ bahawa mereka sanggup menerima perubahan yang hendak diperkenalkan kerajaan. Semua peniaga telah menandatangani pengakuan itu kecuali seorang.

Perdana Menteri menegaskan bahawa beliau tidak mempunyai niat lain dan hanya mahu melihat orang Melayu di Pekan Rabu berjaya. -- Lagi.

▼22/10/22-03MST

CNS2446  
U GB 22-10 00106 BC906  
AAB

Mahathir - Pekan Rabu 3 (Akhir) Alor Setar

Perdana Menteri yang pernah berniaga goreng pisang dan air halia di Pekan Rabu semasa remajanya telah beberapa kali sebelum ini menegur keadaan Pekan Rabu yang tidak teratur, kotor dan terlampau sesak dengan barangan.

Sementara itu, Pengerusi Koperasi Pekan Rabu, Encik Mustafa Ismail berkata, beberapa orang pakar dari Jepun telah mula melawat kompleks perniagaan itu untuk meninjau keadaannya serta membuat cadangan untuk memperbaikinya.

Katanya, semua peniaga di situ mahu perubahan memandangkan kebanyakan peniaga kini adalah golongan muda yang terdiri daripada generasi kedua atau anak-anak peniaga asal Pekan Rabu. -- Bernama .

▼22/10/22-04MST